

13/06/1997

EPU diarah terus kaji

KUALA LUMPUR, Khamis - Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri diarah meneruskan kajian pembinaan lapangan terbang bertaraf antarabangsa di atas tapak projek menambak laut berhampiran Kuala Muda, Kedah.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jabatan Alam Sekitar turut diarah menyediakan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) projek berkenaan.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi pandangan supaya projek itu disegerakan. Ekoran itu, beliau sudah mengarahkan kepada EPU untuk meneruskan kajian kesesuaian.

"Jabatan Alam Sekitar pula akan buat kajian EIA supaya kita dapat teliti pelaksanaannya secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dana Pendidikan dan bangunan Hospital Mata Tun Hussein Onn sempena penubuhan Institut Ophthalmologi Kebangsaan di sini, hari ini.

Semalam, Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata Dr Mahathir meluluskan projek berkenaan melalui suratnya yang difaks dari London. Selain memberikan kelulusan, Perdana Menteri juga dilaporkan mahu projek itu dipercepatkan.

Projek di kawasan tambak laut seluas kira-kira 6,300 hektar itu akan dilaksanakan oleh Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd, yang beribu pejabat di sini.

Lapangan terbang bertaraf antarabangsa itu akan menjadi lapangan terbang ketiga di Kedah selepas Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Ia dijangka dapat menampung pengendalian pelancong di kawasan utara Semenanjung yang kini menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Pulau Pinang.

Ditanya sama ada pembinaan lapangan terbang bertaraf antarabangsa itu menjejaskan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata penilaian belum dapat dibuat sehingga kajian selesai.

Kajian itu akan mengambil kira semua keperluan di kawasan utara.

"Sekarang ini belum dapat dibuat penilaian. Dalam kajian itu, kita akan dilihat keseluruhan keperluan kawasan utara. Kerajaan perlu meneliti segenap sudut sebelum keputusan akhir dibuat," katanya.

Mengulas pendirian Penerbangan Malaysia (MAS) yang tidak bersetuju dengan pembukaan lapangan terbang di peringkat negeri, Anwar berkata cadangan projek itu bukan untuk membina lapangan terbang kecil sebaliknya bertaraf antarabangsa.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, EPU akan mengambil kira pandangan MAS dalam kajian mereka.

(END)